

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

KPM LANJUTKAN TEMPOH PENGISIAN DATA, TINGKATKAN PENGOPERASIAN SISTEM BERSEPADU KEMENTERIAN PENDIDIKAN (MOEIS)

Kementerian Pendidikan (KPM) prihatin mengenai kesukaran yang dihadapi oleh guru-guru berkait dengan penggunaan Sistem Bersepadu KPM (MOEIS).

Pemantauan berterusan terhadap MOEIS melalui platform *Application Performance Monitoring* (APM) mendapati berlakunya kesesakan serta peningkatan jumlah akses pengguna terhadap Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu.

Justeru, KPM telah mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh pengisian data Pentaksiran Bilik Darjah (Pentaksiran Berterusan dan Ujian Akhir Sesi Akademik), SEGAK & BMI 5-9T dan j-QAF sehingga 5 Disember 2025.

KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengoperasian MOEIS bagi membantu memudahkan tugas guru selain memastikan kebajikan dan kesejahteraan mereka terpelihara.

Sebarang pertanyaan atau aduan mengenai MOEIS boleh dikemukakan menerusi talian hotline 03-8884 3736 atau menggunakan system *ICT Service Desk* (ISD) di pautan <https://isd.moe.gov.my/>.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
28 NOVEMBER 2025**